

# Qalam

KDN 4244

Rabī' al-Akhir 1389

Julai 1969

Bilangan 225

Senaskhah 60 sen.

## LEBENSRAUM

Riak-riak yang kuat telah ditumpukan oleh Singapura atas perkara yang dikatakannya mengawal keselamatannya iaitu mengawal masuknya orang-orang asing ke negeri itu dan bekerja di sana. Di dalam mengadakan kawalan-kawalan yang ketat ini, maka mereka-mereka yang telah bermastautin di sini semenjak muda dan berpuluh-puluh tahun serta telah beranak bercucu yang datang ke Singapura dalam masa negeri itu di bawah Negeri-negeri Selat dahulu adalah terlibat.

Mereka yang cuai masa dahulu mendaftarkan dirinya dan bermegah yang mereka berasal dari Indonesia, lalu mendaftarkan diri mereka di dalam *card* pengenalannya sebagai orang Indonesia – orang Jawa atau Sumatera – yang demikian itu adalah diakui dalam masa didaftarkan itu ( pada tahun 1948) sebagai rakyat Selat yang sama tarafnya dengan penduduk yang diperanakan di sana. Tetapi malangnya apabila kerajaan PETIR (kerajaan Singapura yang memerintah sekarang) berkuasa maka orang itu terkatung-katung, kerana ia dianggap sebagai orang yang tidak bernegeri. Indonesia, tidak mengakui mereka sebagai rakyatnya, dan Singapura juga memandang mereka bukan rakyatnya – dan kerana itu tidaklah mereka dapat

membuat pas-pas jalan dan akhirnya akan mendapat pula pandangan-pandangan kecil dan tidak berharga daripada kerajaan Singapura.

Banyak di antara mereka yang meminta permohonan membuat pas jalan, tetapi dengan sebab ia bukan rakyat Singapura, maka tidaklah pas itu diberi dan tergantunglah mereka. Ini lebih-lebih menderita lagi jika mereka ada anak yang berkahwin dengan orang-orang Malaysia yang telah ditarik pas kerjanya yang memaksa mereka keluar dari republik itu. Ia boleh keluar membawa isterinya, tetapi ia tidak dapat membawa ibu mertuanya, umpamanya kerana ia tidak beroleh pas jalan. Dengan ini terpisahlah keluarga itu daripadanya dan payahlah kehidupan mereka.

Langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan Singapura ini, kononnya, untuk menjaga keselamatam rakyat Singapura di masa yang akan datang. Rakyat semakin bertambah setiap tahun dan kerajaan mesti mencarikan pekerjaan untuk mereka seluruhnya dengan apa daya jua pun. Umat makin membiak, sedang pulau Singapura sempadannya sebegitu juga – tidak akan meluas seperti getah.

Kita nampak sekarang kerana itulah Singapura dijadikan negeri tentera – anak negeri dilatih memegang senjata. Bukan sahaja belia-belua yang diwajibkan memanggul senjata, tetapi pegawai-pegawai juga digalakkan. Apakah tujuan ini? Hanya untuk memberi kerja?

Dalam masa pemerintahan Nazi dahulu, ada semboyan-semboyan orang-orang Nazi yang terkenal untuk kemajuan dan keselamatan mereka. Semboyan itu ialah dasar ((*Lebensraum*)) (*Lebensraum*) ini ialah seruan untuk meluaskan tanah dan